



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

PROGRAM SUKARELAWAN PASCA BANJIR KBS BERSAMA YB MENTERI BELIA DAN SUKAN

Inisiatif Sukarelawan Pasca Banjir Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah digerakkan bermula 19 Disember 2021. Sepanjang 15 hari, KBS telah mengatur gerak 133 inisiatif di 9 negeri. Ianya melibatkan atur gerak 3,864 orang sukarelawan yang telah di digerakkan melalui Pusat Panggilan Sukarelawan yang telah diaktifkan di Jabatan Belia Dan Sukan Negeri. Pusat Panggilan Sukarelawan di negeri-negeri dikoordinasikan oleh Bilik Gerakan Skwad Sukarelawan Pasca Banjir KBS yang berpusat di aras 12 Menara KBS. Sukarelawan yang telah diatur gerak terdiri daripada sukarelawan yang berdaftar di bawah KBS, sukarelawan NGO, sukarelawan Kelab Team KBS, sukarelawan ILKBS dan Alumni MyCorps.

Selain itu, 731 orang pegawai dan kakitangan KBS turut di atur gerak bagi melaksanakan kerja pembersihan serta baik pulih skala kecil melibatkan tenaga pengajar ILKBS.

Dengan kekuatan 14 buah *dumping truck*, 8 *unit back hoe*, 1 *unit water tank*, 25 *unit roro bin truck* dan 1 *unit bulldozer*, inisiatif ini telah membantu kerajaan dalam mempercepatkan proses pembersihan serta pemulihan di seluruh negara. KBS turut menumpukan atur gerak pasca bencana secara bertumpu di daerah angkat iaitu Kuala Langat yang melibatkan kerja pembersihan di sekitar Kampung Bukit Tadam, Kampung Bukit Serdang, Labohan Dagang, Bukit Canggang serta Rancangan Tanah Belia Bukit

Canggung dan dikoordinasikan melalui Kuala Langat Command Centre (KLCC) yang berpusat di IKTBN Sepang.

Melalui inisiatif ini juga, KBS telah bergabung tenaga bersama pihak ATM melalui RAJD bagi membantu mengoperasikan jentera bagi kerja-kerja pembersihan.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

4 JANUARI 2022

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan

|Tel:03-88713405/3436